

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 JUN 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	15 Gegaran susulan dilapor di Ranau	Berita Harian
2.	Berlaku 15 gempa susulan – Ewon Ebin	Utusan Malaysia
3.	Malaysia boleh dilanda gempa sehingga 6.0 Richter	Utusan Malaysia
4.	21 gempa susulan	Berita Harian
5.	Gempa gegar Sabah	Utusan Malaysia
6.	'Telinga keldai' runtuh	Harian Metro
7.	NSC deploys Smart team to Sabah	New Straits Times
8.	Langkah perlu ketika dan selepas gempa – METMalaysia	BERNAMA
9.	Sabah quake: Another 4.5 magnitude earthquake shock Ranau	New Straits Times
10.	UPKO ucap takziah kepada keluarga mangsa gempa bumi	BERNAMA
12.	Sabah pernah alami tidak kurang 80 kejadian gempa sejak 1897	BERNAMA
13.	Pesawat EC725 dihantar ke Gunung Kinabalu bantu pendaki terkandas	BERNAMA
14.	Sabah Quake: Aftershock hit Tuaran	New Straits Times
15.	Do' s and don'ts guide during and after an earthquake	New Straits Times
16.	Tiada laporan gangguan bekalan elektrik susulan gempa bumi – SESB	BERNAMA
17.	Gempa: Tiada kerosakan dilaporkan di Daerah lain di Sabah	BERNAMA
18.	Hospital, police stations among those damaged	The Star

19.	Uphill task for rescuers	The Star
20.	'Deep volcanic activity likely'	The Star
21.	MPOB, UPM, FELCRA komersial baja GanoCare	Berita Harian
22.	King to confer 1,524 awards	

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 6 JUN 2015 (SABTU)

15 gegaran susulan dilaporkan di Ranau

Kota Kinabalu: Sekurang-kurangnya 15 gempa susulan yang lemah dilaporkan di Ranau sehingga jam 2 petang semalam, selepas gempa bumi sederhana dengan kekuatan 5.9 pada skala Richter, pada waktu pagi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin berkata, Jabatan Meteorologi menjangkakan gempa susulan itu kemungkinan terus berlaku hingga struktur tanah di kawasan terbabit stabil.

"Justeru, saya minta penduduk Sabah khususnya di Ranau dan kawasan sekitar yang terjejas, supaya berjaga-jaga dan bertindak secepat mungkin sekiranya berlaku gegaran susulan bagi mengelak kejadian tidak diinginkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ewon yang juga Ahli Parlimen Ranau berkata, orang ramai boleh merujuk laman web jabatan berkenaan di www.met.gov.my atau di talian hotline 1 300 22 1MET(1638).

Pusat maklumat gempa dibuka

"Jabatan Meteorologi cawangan Sabah juga membuka Pusat Maklumat Gempa yang beroperasi 24 jam dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat dengan menghubungi talian 088-413 690 @ 088-413 691.

"Selain itu, MetMalaysia turut menyebarkan maklumat semasa mengenai tragedi ini melalui akaun rasmi twitter mereka iaitu @malaysianmet," katanya.

+ Katanya, jabatan itu juga sudah dan akan melaksanakan Kempen Kesedaran Awam Mengenai Bencana Gempa Bumi, Tsunami dan Cuaca Ekstrem di seluruh Malaysia termasuk di Putatan, Sabah yang dijadualkan pada bulan Ogos, manakala di Kuala Penyu pada Oktober ini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin berkata, lebih 10 gempa susulan yang lemah berlaku dengan kekuatan antara 2.5 hingga 3.9 skala Richter.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 07
TARIKH: 06 JUN 2015 (SABTU)

Berlaku 15 gempa susulan – Ewon Ebin

PUTRAJAYA 5 Jun - Rakyat Sabah khususnya di Ranau dan kawasan sekitar yang terjejas akibat gempa bumi dinasihatkan berjaga-jaga, mendengar nasihat pihak berkuasa dan bertindak cepat jika berlaku gegaran susulan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, sehingga pukul 2 petang ini, Jabatan Meteorologi melaporkan terdapat 15 gempa susulan yang lemah telah dirasakan oleh penduduk di kawasan terbabit.

Menurutnya, gempa susulan berkemungkinan akan terus ber-

laku sehingga struktur tanah di kawasan terbabit menjadi stabil.

“Saya ingin menzahirkan rasa simpati kepada mangsa gempa bumi yang berlaku di Sabah, saya dimaklumkan oleh Jabatan Meteorologi bahawa gempa bumi sederhana ini adalah yang terkuat pernah direkodkan di negeri itu.

“Pusat gempa bumi dilaporkan terjadi di 61.1 utara dan 116.6 timur iaitu 16 kilometer barat laut dari bandar Ranau. Sehingga kini beberapa bangunan dan jalan raya di Ranau dilaporkan mengalami keretakan,” katanya dalam satu

kenyataan di sini hari ini.

Kesan gegaran gempa bumi sederhana yang berlaku dengan kekuatan 5.9 pada skala Richter kira-kira pukul 7.15 pagi itu turut dirasakan di Tambunan, Pendalaman, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud.

Beliau turut menasihatkan orang ramai agar merujuk laman web Jabatan Meteorologi di www.met.gov.my atau talian *hotline* 1300 22 1MET (1638).

Jabatan Meteorologi Sabah juga telah membuka Pusat Maklumat Gempa yang beroperasi 24 jam dan

orang ramai boleh mendapatkan maklumat dengan menghubungi 088-413690 atau 088-413691.

Maklumat mengenai tragedi ini juga akan disalurkan dari semasa ke semasa melalui akaun rasmi *twitter @malaysianmet*.

Ewon berkata, Jabatan Meteorologi akan melaksanakan kempen kesedaran awam mengenai bencana gempa bumi, tsunami dan cuaca ekstrem di seluruh negara termasuk di Putatan, Sabah yang dijadualkan pada bulan Ogos dan Kuala Penyu pada Oktober nanti.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 07
TARIKH: 06 JUN 2015 (SABTU)

Malaysia boleh dilanda gempa sehingga 6.0 Richter

KUALA LUMPUR 5 Jun - Malaysia terutamanya di Sabah boleh dilanda gempa bumi dengan ukuran sederhana iaitu sehingga 6.0 skala Richter, kata Menteri Kerja Raya, **Datuk Seri Fadillah Yusof**.

Beliau berkata, maklumat yang diperoleh daripada pakar mengatakan bahawa kejadian gempa bumi dianggap sebagai perkara normal di Sabah memandangkan negeri itu terletak hampir dengan kawasan Lingkaran Api Pasifik.

"Sebelum ini, gempa bumi kecil juga pernah direkodkan berlaku di Sabah dan pakar menyifatkan kejadian tersebut sebagai perkara biasa.

"Berdasarkan kajian yang dilakukan, Malaysia boleh dilanda gempa bumi sekurang-kurangnya pada kekuatan sederhana iaitu 6.0 magnitud (skala Richter) dan jika ukurannya lebih, itu dikira gempa kuat," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 kepada kira-kira 800 kakitangan Kementerian Kerja Raya, di sini hari ini.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Meteorologi, **Zaidi Zainul Abidin** berkata, gempa bumi kecil semanganya kerap dialami di negeri Sabah dan Sarawak berikutan garis sesar di dua negeri itu yang masih lagi aktif.

Zaidi memberitahu, gegaran yang dirasakan di Ranau adalah lebih kuat daripada magnitud yang sering direkodkan iaitu magnitud seki-

tar 4.0 hingga 5.0 sahaja.

Pada perkembangan sama, Pengarah Kanan Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia, **Dr. Wan Azli Wan Hassan** berkata, garisan sesar atau rekahan lapisan batuan dalam bumi yang bergerak di antara satu blok dengan blok yang lain secara tiba-tiba merupakan antara punca berlakunya kejadian gempa bumi di Ranau, Sabah, pagi ini.

Menurut beliau, kewujudan garisan berkenaan di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti menunjukkan pergerakan itu pernah berlaku sebelum ini.

Katanya, garisan tersebut turut berjaya dikesan di Semenanjung Malaysia selepas berlakunya tsunami selain Sabah, iaitu negeri yang dikenal pasti mempunyai banyak garisan tersebut yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian gempa bumi pada masa akan datang.

"Jika dilihat pada kedudukan geografi, Sabah bukanlah terletak dalam lingkaran api pasifik, tetapi mempunyai potensi besar untuk mengalami kejadian tersebut disebabkan garisan yang dilihat banyak terdapat di negeri ini.

"Selepas berlakunya tsunami sebelum ini, kita dapat mengesan beberapa garisan tersebut di kawasan lain termasuk di Semenanjung Malaysia. Tetapi ini memerlukan kajian terperinci untuk mendapat gambaran yang lebih jelas dan tepat," katanya.

